

15hb. Julai, 1980

Semua Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah Tinggi, Malaysia,  
Semua Setiausaha-setiausaha Hakim

Tuan/Puan,

Pekeliling Pendaftar A.11/80

Urusan Peribadi YAA/..../YA

Hakim-Hakim

Saya merujuk kepada perkara di atas dan memaklumkan bahawa Pentadbiran ini sering dihubungi untuk menguruskan satu-satu hal yang ada kaitan dengan keperluan para hakim, seperti menempah tiket kapal terbang dan tempat kediaman, urusan rawatan di hospital-hospital dan perbekalan-perbekalan untuk tempat kediaman serta lain-lain hal yang berkenaan dengan cara tergesa-gesa. Cara menjalankan kerja semacam ini sering menimbulkan kesulitan-kesulitan dan kadang-kala kelewatan pula berlaku dan ada kalanya tidak berhasil langsung.

2. Maka dengan ini adalah ditegaskan bahawa penempahan ticket-ticket kapal terbang dan tempat menginap para Hakim yang bertugas diluar Ibu Pejabat dan hal-hal kecil hendaklah diuruskan oleh pihak tuan/puan sendiri, dan kemudian Pentadbiran ini diberitahu. Jika sesuatu perkara itu

melibatkan kelulusan Pentadbiran ini dan kelulusan Pentadbiran-pentadbiran lain seperti Jabatan Perkhidmatan Awam, Perbendaharaan dan Jabatan Perdana Menteri, tuan/puan hendaklah awal-awal lagi menghubungi Pentadbiran ini. Dalam pada itu jika terdapat kelewatan, maka ulangan hendaklah dihantarkan ke Pentadbiran ini dengan segera.

Sekian.

t.t.

( siti Norma Yaakob. )

KETUA PENDAFTAR